

# Xepamet Film-Coated Tablet

Cimetidine 200mg, 400mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Xepamet
2. Bagaimana Xepamet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Xepamet
4. Cara menggunakan Xepamet
5. Semasa menggunakan Xepamet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Xepamet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

## Apakah kegunaan Xepamet

- Untuk merawat dan mencegah ulser berulang di dalam perut dan usus kecil, termasuk yang berkaitan dengan *nonsteroidal anti-inflammatory drugs* (NSAIDs).
- Merawat pedih ulu hati dan ketidakhadaman asid, di mana kandungan perut (makanan atau cecair) mengalir balik dari perut masuk ke dalam esofagus (saluran dari mulut ke perut). Istilah perubatan dikenali sebagai *gastroesophageal reflux diseases* (GORD).
- Untuk merawat sindrom *Zollinger-Ellison* iaitu peningkatan rembesan gastrin, sejenis hormon yang merangsang rembesan asid gastrik.
- Merawat masalah ketidakhadaman berserta kesakitan yang tiada kaitan dengan ulser.
- Mencegah ulser pada pesakit yang berisiko mengalami pendarahan dalam perut atau usus kecil.
- Sebelum pembiusan keseluruhan badan diberi kepada pesakit berisiko pada *acid aspiration*, di mana kandungan perut (makanan atau cecair) mengalir balik dari perut ke dalam paru-paru terutamanya pada pesakit yang akan melahirkan anak.
- Untuk mengurangkan kerencatan penyerapan dan kehilangan cecair pada pesakit yang menghidap sindrom usus pendek.
- Sebagai tambahan kepada terapi enzim pada pesakit yang mengalami kekurangan enzim pankreas. Enzim pankreas membantu memecahkan lemak.

## Bagaimana Xepamet berfungsi

Cimetidine adalah histamin H<sub>2</sub> antagonis, ia menghalang rangsangan bagi perembesan asid gastrik.

## Sebelum menggunakan Xepamet

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Xepamet jika anda alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

### Sebelum mula menggunakan Xepamet

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Xepamet jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu.
- mempunyai penyakit hati atau masalah buah pinggang.
- mempunyai gangguan gastrousus.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan Xepamet

### Berapa banyak harus digunakan

#### Dewasa

##### • Umum:

Dua kali sehari: 400mg. Diambil pada waktu pagi dan sebelum tidur; Atau

Tiga kali sehari: 200mg pada waktu pagi dan tengahari, 400mg sebelum tidur.

##### • Rawatan ulser di dalam perut dan usus kecil:

800mg sehari sebelum tidur. Penyembuhan biasanya berlaku dalam tempoh 4 minggu.

Untuk ulser perut, teruskan pengambilan untuk 2 minggu lagi jika perlu.

##### • Pencegahan ulser berulang:

400mg sehari sebelum tidur; Atau 400mg diambil pada waktu pagi dan sebelum tidur.

##### • Rawatan untuk GORD:

400mg empat kali sehari untuk 4-8 minggu. Diambil bersama makanan dan sebelum tidur.

##### • Rawatan untuk sindrom Zollinger-Ellison:

400mg empat kali sehari. Dos boleh ditingkatkan sehingga 2.4g sehari.

##### • Pencegahan ulser bagi pesakit berisiko mengalami pendarahan dalam perut atau usus kecil:

200mg atau 400mg setiap 4 hingga 6 jam.

##### • Pencegahan acid aspiration:

400mg diambil 90 minit hingga 120 minit sebelum pembiusan atau sewaktu hendak melahirkan anak.

##### • Sebagai tambahan kepada terapi enzim pada pesakit kekurangan enzim pankreas:

0.8g – 1.6g sehari dibahagikan kepada 4 dos berasingan, diambil sebelum makan.

##### • Masalah ketidakhadaman yang tidak berkaitan dengan ulser:

200mg dua kali sehari selepas sarapan pagi dan sebelum tidur.

##### • Luka akibat NSAIDs:

800mg sekali sebelum tidur; Atau 400mg pada waktu pagi dan sebelum tidur.

Penyembuhan biasanya berlaku dalam tempoh 4 minggu.

Dos selanjutnya: 400mg sebelum tidur.

Kanak-kanak di bawah 1 tahun: 25-30mg/kg sehari dibahagikan kepada beberapa dos.

### Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

### Jika terlupa menggunakannya

Ambil secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Jika dos seterusnya adalah hampir, ambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terambil secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

## Semasa menggunakan Xepamet

### Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan kunyah tablet. Telan tablet dengan air.
- Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- alah terhadap Cimetidine atau bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.
- hamil atau menyusukan anak.
- mengalami masalah hati, buah pinggang atau gastrousus.

**Kesan-kesan sampingan**

- Cirit-birit.
- Pening, sakit kepala.
- Kepenatan.
- Kekeliruan mental.
- Ruam.
- Tindak balas alahan.
- Sakit sendi dan otot.
- Masalah buah pinggang.
- Masalah toksik hati.
- Bacaan darah tidak normal.
- Mati pucuk pada lelaki.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan Xepamet**

Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna hijau muda dan bersalut lapis.

Didapati dalam 10 tablet per blister strip, 60 tablet dalam satu kotak.

Bahan- bahan kandungan

Bahan aktif

Cimetidine Hydrochloride

Bahan tidak aktif

Sodium Starch Glycolate, Lactose 200, Quinoline Yellow lake, Maize Starch, Purified Water, Aerosil 200, FDC Blue No1, Povidone K-30, Microcrystalline Cellulose, Opadry White II, Dioctyl Sodium Sulfosuccinate, Isopropyl Alcohol, Magnesium Stearate.

Nombor MAL

Xepamet Film-Coated Tablet 200mg: MAL19930597A

Xepamet Film-Coated Tablet 400mg: MAL19930598A

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd  
1-5 Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

06/09/2023

**Nombor siri**

NPRA(R2/1)231114/1173